

## SOALAN LAZIM UNIT GAJI

### Soalan:

Apakah elaun-elaun yang **tidak layak dibayar** sekiranya pegawai mengambil **Cuti Tanpa Gaji**?

### Jawapan:

- i. **Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)**
- ii. **Bayaran Insentif Pengurusan Stor (BIPS)**
- iii. **Bayaran Insentif Pakar/ Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan**
- iv. **Elaun Pemangkuan**
- v. **Elaun Penanggungungan Kerja**

**Rujukan: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009**

## SOALAN

Apakah T code untuk semak senarai kod potongan untuk digunakan di dalam system iGFMAS?

## JAWAPAN

Senarai kod potongan yang digunakan di dalam system iGfmas boleh disemak di ZRPY054.

Contoh :

<b>Nama Pendapatan</b>	<b>Kod</b>
Bayaran balik emolumen - Tax ( Tahun Lalu )	4016
Bayaran balik elaun – Non Tax ( Tahun Semasa )	4015

## SOALAN

Bagaimanakah pengiraan elaun pemangkuan / kenaikan pangkat?

## JAWAPAN

Pengiraan untuk elaun pemangkuan / kenaikan pangkat boleh dirujuk di Pekeliling Perkhidmatan bil.7 tahun 2010 / Panduan Pengurusan Pemangkuan

dan Kenaikan Pangkat dalam Perkhidmatan Awam dan di Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat.

Kaedah Perkiraan Elaun Pemangkuan Elaun Pemangkuan ialah perbezaan di antara gaji permulaan (P1T1) dalam jadual matriks gred jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai.

Sekiranya jumlah perbezaan itu sama atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya, maka pegawai akan dibayar Elaun Pemangkuan sebanyak perbezaan tersebut.

Jika perbezaan itu kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di gred hakikinya, atau tiada perbezaan sama sekali, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji biasa di atas matagaji gred jawatan yang dipangku.

Jika gaji hakiki seseorang pegawai itu sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan jawatan yang dipangku, Elaun Pemangkuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji biasa di atas matagaji jawatan yang dipangku.

### **SOALAN**

Adakah pegawai yang memohon bertukar wilayah layak menuntut pemberian Elaun Gangguan ?

### **JAWAPAN**

Pegawai yang memohon sendiri untuk bertukar wilayah adalah tidak layak untuk menuntut Elaun Gangguan kerana prinsip pemberian Elaun Gangguan adalah untuk pegawai yang diarahkan bertukar wilayah.

### **SOALAN**

Adakah pegawai yang sedang Cuti Bersalin layak menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) ?

### **JAWAPAN**

Tidak layak. Merujuk Perkara 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1999, seseorang pegawai yang menerima BITK tetapi telah meninggalkan tugasnya

selama 28 hari @ lebih secara berturut-turut, bayaran tersebut hendaklah dihentikan dalam tempoh berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, pengecualian adalah diberikan bagi pegawai yang meninggalkan tugas bagi tempoh tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan hari kelepasan am dalam keadaan berikut :-

Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan

Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan

Bercuti sakit yang disokong oleh Sijil Sakit mengikut Perintah Am Bab C

Dalam hal yang dibangkitkan, BITK hendaklah dihentikan kerana Cuti Bersalin bukan dianggap sebagai Cuti Sakit tetapi cuti pemulihan.

**Bagaimanakah Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan seseorang pegawai tetap/semntara dalam perkhidmatan awam ditentukan?**

Menurut perenggan 27(1) P.U.(A) 1/2012 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) seseorang pegawai Lantikan Tetap dan Sementara hendaklah sebagaimana yang dinyatakan **Jadual Kedua** seperti di bawah:

TARIKH PELANTIKAN	TARIKH PERGERAKAN GAJI
1 Januari – 31 Mac	1 Januari
1 April – 30 Jun	1 April
1 Julai – 30 September	1 Julai
1 Oktober – 31 Disember	1 Oktober

} Tahun berikutnya

**Rujukan:**

- i. **Perenggan 27(1), P.U.(A) 1/2012** – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012; dan
- ii. **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016** – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

**Bagaimanakah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang dinaikkan pangkat?**

**Gaji permulaan** bagi seseorang pegawai yang **dinaikkan pangkat** hendaklah ditetapkan pada **amaun gaji yang lebih tinggi** daripada **amaun gaji akhir di gred terdahulu**. **Gaji akhir di gred terdahulu** hendaklah **ditambah** dengan:

- a. **Kadar KGT di gred kenaikan pangkat**; atau
- b. **Kadar KGT terakhir diterima di gred terdahulu** mengikut **mana yang lebih tinggi**, mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

**Rujukan:**

- i. **Perenggan 5, P.U.(A) 163/2017** – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017; dan
- ii. **Surat Edaran JPA rujukan JPA.(S)(K)223/4/4 Jld.5(6) bertarikh 5 September 2017.**